

02/05/2000

Hari Guru: Pertandingan bahas diadakan semula

SELEPAS dihentikan selama dua tahun berturut-turut, Pertandingan Bahas Guru-guru Malaysia sempena sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan, dihidupkan kembali tahun ini.

Kali ini, Institut Aminuddin Baki (IAB) di Sri Layang, Genting Highlands, diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah pertandingan peringkat kebangsaan yang akan berlangsung selama dua hari bermula esok.

Pertandingan itu dijangka dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Noor Azmi Ibrahim.

Pertandingan bahas tahun ini dijangka lebih hebat kerana disertai oleh ramai guru berbakat. Ini bertepatan dengan objektif penganjurannya, iaitu untuk meningkatkan keterampilan berkomunikasi dan berhujah di kalangan guru di samping memperkayakan pengalaman memimpin pasukan bahas pada peringkat sekolah, daerah dan negeri, dan menjadi forum pembinaan keintelektualan mereka.

Menurut Setiausaha Jawatankuasa Pengelola pertandingan bahas berkenaan, Drs Wan Aminuddin Wan Ab Hamid, sebanyak lapan pasukan akan berentap pada peringkat separuh akhir, iaitu masing-masing empat pasukan dalam kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Beliau berkata, pasukan terbabit adalah johan pertandingan peringkat zon yang sudah selesai dijalankan pada 19 dan 20 April lalu selepas melepasi pusingan daerah dan juga negeri yang mula diadakan pada awal bulan ini.

Tajuk perbahasan pada pertandingan separuh akhir peringkat zon ialah 'Guru Pemangkin Semangat Patriotisme Pelajar' bagi kategori bahasa Melayu serta 'Teachers As Catalysts In The Development Of Patriotic Spirits Among Students', manakala tajuk pertandingan akhir pula ialah 'Kepemimpinan Guru Teras Kesejahteraan Negara' (bahasa Melayu) dan 'Teacher's Leadership As A Foundation For National Harmony' (bahasa Inggeris).

Pertandingan peringkat zon dibahagikan khusus kepada empat, iaitu Zon A yang membabitkan Perak, Pulau Pinang (tuan rumah), Kedah dan Perlis, Zon B (Melaka-tuan rumah, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan), Zon C (Johor, Pahang-tuan rumah, Kelantan dan Terengganu), serta Zon D (Sabah-tuan rumah dan Sarawak).

Bagi pertandingan kedua-dua kategori bahasa Melayu serta bahasa Inggeris, katanya, Kedah berjaya muncul sebagai johan Zon A, Selangor (Zon B), Johor (Zon C) dan Sabah (Zon D).

Menurutnya, setiap pasukan terbabit akan mempunyai tiga pembahas utama dan seorang pembahas simpanan di mana seorang peserta bukan Melayu atau Bumiputera menjadi pembahas utama bagi kategori bahasa Melayu manakala kategori bahasa Inggeris pula perlu ada seorang pembahas utama dari kalangan peserta Melayu atau Bumiputera.

Bagaimanapun, pertandingan bahas itu yang terbuka kepada penyertaan guru sekolah di negara ini akan dijalankan secara format biasa dan bukannya ala Parlimen seperti diamalkan dalam perbahasan kalangan pelajar sekarang.

"Pertandingan bahas separuh akhir peringkat kebangsaan akan menyaksikan kehebatan peserta berhujah di atas tajuk 'Kecemerlangan Pendidikan Berpaksikan Kewibawaan Guru' bagi kategori bahasa Melayu dan 'Teachers' Credibility Is The Axis To Excellence In Education' (bahasa Inggeris).

"Pada pertandingan akhir peringkat kebangsaan pula, empat pasukan akan bertembung, iaitu masing-masing dua pasukan dalam kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

"Mereka akan membahaskan tajuk 'Profesion Keguruan Berasaskan Ilmu'

untuk kategori bahasa Melayu dan 'Knowledge Is The Foundation Of Teaching Profession' (bahasa Inggeris)," katanya kepada Berita Harian.

Bagi setiap kategori dalam pertandingan peringkat kebangsaan, johan akan menerima hadiah berupa wang tunai RM2,000 serta piala pusingan pada majlis pelancaran Hari Guru 2000 peringkat kebangsaan yang dijadual disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Ipoh, 16 Mei ini.

Naib johan pula akan menerima wang tunai RM1,500. Selain itu, hadiah sagu hati berupa wang tunai sebanyak RM500 turut disediakan.

(END)